



Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026

16 Februari 2026

MEMO

Kepada : Jabatan Kerajaan

Dari : Kewangan Korporat AirAsia

Tarikh : 16 Februari 2026

Tajuk : Tatacara Pembatalan Tempahan Bagi Tiket Waran Perjalanan Udara Awam (WPUA)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera ,

Tuan/Puan,

Kami lampirkan tatacara pembatalan tempahan bagi tiket WPUA **berkuatkuasa pada 1 Mac 2026.**

Oleh itu, mohon perhatian pihak jabatan kepada perkara di bawah:

1. **Permohonan pembatalan yang lengkap** mestilah dibuat **sekurang-kurangnya 48 jam sebelum tarikh penerbangan.**
2. Semua permohonan pembatalan perlu diemelkan kepada **maa_gov_finance@airasia.com** sahaja dan permohonan melalui pos dan kurier tidak akan dilayan.
3. Sebarang maklumat lanjut, tuan/puan boleh menghubungi kami di 03-8660 0004 atau emel kepada maa_gov_finance@airasia.com
4. Keputusan pembatalan tempahan adalah muktamad dan bergantung sepenuhnya kepada penilaian pihak kewangan korporat AirAsia Berhad.
5. Terma dan syarat seperti di lampiran.

Sekian, terima kasih.

Kewangan Korporat
AirAsia Berhad



Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026
LAMPIRAN.

16 Februari 2026

Berikut ialah jenis pembatalan tempahan dan dokumen yang diperlukan:

Jenis-jenis Pembatalan Tempahan	Syarat Permohonan Pembatalan Tempahan	Dokumen yang Diperlukan
Urusan rasmi jabatan dibatalkan/dipinda/bertindih/mesyuarat berpanjangan	Tidak menaiki penerbangan kerana urusan rasmi	• Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan • Salinan waran dan tiket • Surat/memo/email berkaitan pembatalan atau pindaan program/aktiviti/urusan rasmi
Kes Perubatan	Tidak dapat menaiki penerbangan kerana dimasukkan ke hospital – kecederaan berat yang menjejaskan pergerakan / penyakit serius yang memerlukan rawatan berterusan / kehamilan (melebihi 35 minggu / keguguran / dll)	• Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan • Salinan waran dan tiket • Surat Keterangan Rasmi dari Hospital/Klinik • Tahap Kesihatan • Laporan Perubatan (X-ray, Ujian Makmal, Laporan Pembedahan, dll) • Tempoh Pemulihan/Rawatan dan tempoh tidak dibenarkan untuk terbang (tarikh kemasukan dan tarikh keluar; untuk kemasukan hospital yang berterusan, tarikh kemasukan sahaja adalah mencukupi) • Tandatangan Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat • Cop Rasmi Doktor/Pakar Perubatan yang Merawat • Tarikh surat dikeluarkan • Bukti Pertalian sekiranya anda mengemukakan permohonan bagi pihak ahli keluarga terdekat (Sijil Perkahwinan / Sijil Kelahiran)



Rujukan: AIRASIA/PEMBATALAN/2026

16 Februari 2026

Jenis-jenis Pembatalan Tempahan	Syarat Permohonan Pembatalan Tempahan	Dokumen yang Diperlukan
Kes Kematian	Tidak dapat menaiki penerbangan kerana berlaku kematian individu (penumpang) atau ahli keluarga terdekat individu tersebut. *AirAsia menetapkan bahawa ahli keluarga berikut adalah sebagai "anggota keluarga terdekat": • Suami / Isteri • Anak • Ibu/Bapa • Adik Beradik • Datuk/Nenek	• Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan • Salinan waran dan tiketSalinan sijil kematian dan/atau sebarang dokumen sokongan yang berkaitan yang tertakluk kepada syarat-syarat kami. • Dokumen bukti pertalian diperlukan.
Pembatalan Penerbangan	Penerbangan dibatalkan oleh AirAsia disebabkan oleh gangguan operasi *tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan	• Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan • Salinan waran dan tiket • Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia
Penjadualan Semula Penerbangan	Penerbangan yang dijadual semula oleh AirAsia lebih daripada 3 jam. *tarikh penerbangan tidak boleh diubah untuk semakan	• Surat rasmi jabatan untuk permohonan pembatalan tempahan • Salinan waran dan tiket • Salinan email/mesej notifikasi dari AirAsia